

15/05/2002

70 produk Mardi sedia dikomersial

Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR, Selasa - Kebanyakan produk yang dihasilkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (Mardi) belum dikomersialkan berikutan tiada pengeluar yang berminat memasarkan barangan berkenaan.

Menteri Pertanian, Datuk Dr Effendi Norwawi, berkata setakat ini Mardi mempunyai sekurang-kurangnya 70 produk termasuk 30 produk makanan yang sudah dikaji dan sedia dikomersialkan.

Katanya kejayaan penyelidikan Mardi tidak bermakna jika ia tidak dikomersialkan oleh usahawan untuk dipasarkan.

"Kejayaan Mardi tidak saja tertumpu kepada teknologi tetapi juga memindahkannya kepada pengeluaran sebenar untuk dikomersialkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Teknologi Makanan 2002 bertema "Sos, Perencah dan Perasa - Potensinya", di sini hari ini.

Pada majlis itu Effendi turut menyaksikan perjanjian persefahaman antara syarikat Muslim Best Distributors Sdn Bhd dan Mardi membabitkan pengeluaran sos cili pelbagai tahap kepedasan, hasil idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu Effendi meminta pengeluar makanan berurusan dengan pihak Mardi supaya produk yang sudah dikaji itu boleh dikomersialkan.

Selain itu, katanya pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) yang mengeluarkan produk berasaskan pertanian perlu merujuk kepada Mardi untuk meningkatkan kualiti barangan yang membolehkan ia dieksport.

Katanya negara ini tidak mengalami kekurangan teknik pengeluaran makanan baru kerana Mardi sentiasa berusaha mempelbagaikan produk.

Beliau berkata IKS berpotensi mengeksport produk berikutan kajian mendapati 60 peratus produk pertanian yang diimport oleh negara Kesatuan Eropah (EU) adalah daripada IKS di seluruh dunia.

Effendi berkata IKS perlu merangka pendekatan terbaik memenuhi piawaian antarabangsa dan berdaya saing bagi meningkatkan kualitinya.

"Cabaran sebenar negara ini ialah bagaimana untuk mengubah aliran sekarang iaitu jumlah import makanan yang lebih tinggi berbanding eksport.

"Buat masa sekarang pengeluaran makanan mencatatkan defisit dagangan sebanyak RM3 juta dan menjelang 2005 kita berharap berjaya mengurangkannya sehingga separuh," katanya.

Katanya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri turut melaporkan produk makanan negara tidak memenuhi pasaran eksport terutamanya membabitkan piawaian yang ditetapkan.

Sehubungan itu katanya semua syarikat pengeluar makanan perlu serius dan berusaha memenuhi piawaian antarabangsa bagi memastikan barangan mereka boleh dieksport.

"Kementerian sedia membantu dan kita mempunyai sumber yang cukup untuk memastikan syarikat memenuhi piawaian.

"Pengeluar produk daging, Prima Agri Products Sdn Bhd menjadi syarikat pertama mendapat kelulusan mengeksport produk daging ke negara Kesatuan Eropah (EU) dan sekali gus membuktikan semua pengeluar lain turut berpeluang memasuki pasaran itu jika memenuhi piawaian yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata kementerian dan pihak swasta perlu bekerjasama untuk mewujudkan pengeluaran produk berasaskan pertanian yang memenuhi piawaian antarabangsa.

Effendi berkata, pihaknya mewujudkan sekretariat khas termasuk melantik perunding bagi meneliti dan mengkaji isu berkaitan piawaian antara-bangsa

dan berdaya saing.

"Pengeluar perlu sedar produk mereka memenuhi piawaian untuk bersaing. Saya rasa kita mempunyai pasaran yang baik jika berjaya mengguna sepenuhnya sumber yang ada.

"Seminar teknologi makanan boleh menjadi usaha kementerian memujuk pengeluar industri makanan untuk mereka mengubah kepada pengurusan baik yang memenuhi proses piawaian serta berdaya saing pada peringkat antarabangsa," katanya.

(END)